Usahawan bumiputera perlu berani kritik diri sendiri

KUALA LUMPUR 11 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu golongan muda terutama usahawan bumiputera supaya berani mengkritik diri sendiri demi memperbaiki kelemahan yang ada untuk mencapai kejayaan.

Perdana Menteri berkata, jika mereka tidak inengenal pasti kelemahan yang ada, maka tidak mungkin sesuatu kekuatan dan kejayaan itu akan muncul.

Katanya, adalah lumrah seseorang itu tidak ingin mendengar mengenai kelemahan sendiri bahkan enggan mengakuinya.

Beliau menarik uerhatian bagaimana' matlamat negara untuk melahirkan usahawan dan peniaga bumiputera yang berjaya belum tercapai sepenuhnya, biarpun selepas "44 tahun, berpuluh-puluh dasar, peruntukan berbilion-bilion serta lebih 30 dana diperkenalkan".

"Apakah kerana tidak ada usaha oleh pihak berkuasa, tiada peruntukan yang cukup, tiada agensi atau jentera untuk menjayakannya atau adakah kerana kelemahan diri?

"Kita harus merenung perkara ini. Kalau salahkan benda yang salah, masalah itu tidak akan selesai...kalau tidak berani buat pembetulan, kejayaan tidak akan tercapai. Sebab itu, kita perlu ikhlas kritik diri kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Dewan Muda, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPPM) di Pusat Daeanean Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Dewan Muda merupakan satu daripada dua sayap baru DPPM yang akan menempatkan golongan muda Melayu berusia antara 18 hingga 35 tahun.

Rintangan

Antara program utamanya ialah mewujudkan rangkaian usahawan muda Melayu di peringkat negeri, negara dan antarabangsa.

Menurut Dr. Mahathir, usahawan bumiputera perlu membuat penelitian mengapa ada sesetengah pihak dan bangsa berjaya dan ada pula yang gagal.

Dalam hubungan ini, tegasnya, kejayaan sesuatu kaum disebabkan kerana nilai hidup yang dipegang oleh mereka.

"Kalau tidak berjaya, kita harus tanya apa pegangan nilai hidup kita. Kalau telah kenal pasti nilai yang hilang, maka kita perlu tukar dan gantikannya dengan nilai yang boleh menyumbangkan kejayaan," katanya.

Di Malaysia, kata Perdana Menteri, kerajaan mengakui ada dasar diskriminasi yang memberi keutamaan keaada buminutera bahkan rintangan diletakkan kepada bukan bumiputera.

"Namun bukan bumiputera nampak lebih berjaya daripada bumiputera. Apakah sebabnya?," katanya.

Dalam hal ini, beliau member-i contoh bagaimana di zaman penjajahan British, orang Melayu begitu lemah dan mundur kerana penjajah tidak memberi peluang kepada mereka menimba ilmu.

Namun, apabila negara mencapai kemerdekaan, orang Melayu diberi peluang menguasai ilmu dan hasilnya berjaya melahirkan para lepasan universiti, pensyarah, naib canselor dan sebagainya.

"Bagaimanapun, walau kemudahan banvak disediakan, minat untuk belajar masih berkurangan. Pencapaian masih rendah tidak sejajar dengan kemudahan.

"Sebab itu, kita perlu tanya diri sendiri. Kalau sanggup tanya diri, ' kita akan dapati budaya kita tidak mengutamakan penguasaan ilmu dan tanpa ilmu, kita tidak akan menjadi bangsa yang berjaya," katanya.